

SOALAN NO.: 30

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN
KAWASAN : BANDAR KUCHING
TARIKH : 30 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

SOALAN:

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan terperinci berkenaan harga kontrak bagi setiap pakej dalam projek penaiktarafan Pan Borneo Highway di negeri Sarawak. Apakah jangka masa pelengkapan dan status kemajuan semasa (sehingga 31 September 2017) bagi setiap pakej tersebut.

59

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo di Negeri Sarawak terdiri daripada 11 pakej bermula daripada Telok Melano, Sematan hingga ke Miri. Keseluruhan pakej tersebut sedang dibina secara berperingkat seawal September 2016 dengan tempoh pembinaan adalah antara 39 hingga 51 bulan. Kesemua pakej kini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2021. Manakala kos bagi setiap pakej adalah di antara RM580j juta sehingga RM2,113 juta. Secara keseluruhan, status kemajuan projek ini sehingga September 2017 adalah 9.15% berbanding jadual 5.21%.

Sekian, terima kasih.